

16 AUG 2000

Abdullah-Umno

PINDAAN PERLEMBAGAAN UMNO UNTUK BOLEHKAN 3 PEMILIHAN PADA TAHUN YANG SAMA

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Perlembagaan Umno yang akan dipinda dalam perhimpunan agung khas November ini antara lain akan mencadangkan supaya pemilihan parti peringkat cawangan, bahagian dan Majlis Tertinggi (MT) diadakan pada tahun yang sama, kata Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata, cadangan pindaan itu adalah untuk mengurangkan banyak masa daripada dihabiskan untuk pemilihan parti supaya Umno dapat menumpukan kepada kegiatan-kegiatannya.

"Kita perlu beri perhatian pada kegiatan kita, tidak hanya tertumpu pada mesyuarat (pemilihan), banyak kegiatan yang kita hendak laksanakan dan terbesar berkenaan penerangan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa pengurusan Umno di Ibu Pejabat Umno.

Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, beberapa pindaan juga akan dibuat pada perlembagaan parti bagi memperjelaskan kekaburan dalam peruntukan-peruntukan tertentu.

Beliau berkata, cadangan supaya pemilihan parti di semua peringkat itu diadakan dalam tahun yang sama juga selaras dengan kehendak para perwakilan pada perhimpunan agung parti yang lepas yang merasakan bahawa terlalu banyak masa telah dihabiskan untuk tujuan kempen dan sebagainya.

Selain itu, ibu pejabat parti turut menerima banyak laporan daripada bahagian-bahagian mengenai kekaburan dalam beberapa peruntukan dalam perlembagaan dan pihak sekretariat telah menyenaraikannya untuk diperbetulkan.

"Apabila pindaan itu telah diluluskan, kita harap perlembagaan yang baru dipinda itulah yang akan digunakan untuk mesyuarat-mesyuarat cawangan dan bahagian serta perhimpunan agung Umno tahun hadapan," katanya.

Ditanya sama ada pindaan perlembagaan itu akan melibatkan sebarang perubahan kepada pemilihan peringkat bahagian yang dijadualkan tahun hadapan, beliau berkata, setakat ini belum ada sebarang cadangan untuk menanggukannya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ibu pejabat juga sedang berusaha mengemaskini senarai keanggotaannya untuk memastikan bilangan anggota yang sah, yang layak menghadiri mesyuarat pada tahun hadapan.

"Kita mahu borang-borang yang dihantar kepada para anggota diisi dan dihantar balik secepat mungkin, mereka tak perlu menghantar gambar kerana banyak anggota di kawasan pendalaman menghadapi masalah untuk berbuat demikian," katanya.

Abdullah berkata, borang-borang itu diperlukan untuk membolehkan ibu pejabat memasukan nama anggota dalam komputer dan senarai anggota yang sah dapat dikeluarkan untuk digunakan oleh mesyuarat cawangan mulai awal tahun hadapan.

Selain itu, semua Umno negeri akan turut diminta menghantar laporan mengenai kegiatan mereka kepada ibu pejabat dan untuk makluman presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah juga berkata, biro penerangan Umno sedang berusaha meramaikan penceramah untuk memberi penerangan dan penjelasan kepada para anggota parti dan rakyat mengenai isu-isu semasa dan mereka diberikan kursus-kursus di sini.

Ditanya sama ada wajar tentera mengadakan demonstrasi mengenai rompakan senjata di Gerik, katanya demonstrasi itu bertujuan membuktikan bahawa sejumlah senjata yang dirompak itu dan 15 orang dapat dimuatkan dalam tiga buah pajero.

Ia adalah untuk meyakinkan rakyat bahawa kejadian rompakan itu adalah benar dan bukannya sandiwara sebagaimana yang didakwa oleh pembangkang, tambahnya.

-- BERNAMA
AFY GM PR